

KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH IKLAN : 4 JULAI 2024



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210101 dan/atau 210102** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk menyertai sebut harga berikut:


BIL	NO. SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP / MASA
1.	PPN.PK.(S) 121/2024 (IT) Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Mentauliah Sistem Kad Akses dan Menginterigasi ke Sistem e-Hadir di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.	Tarikh : 11 Julai 2024 (Khamis) Masa : 10.30 Pagi Tempat : Dewan Rimbawan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : Mulai 11 Julai 2024 (Khamis) Tempat : Unit IT, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 18 Julai 2024 (Khamis) Masa : 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebut harga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebut harga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri taklimat dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan sesalinan :
 - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
 - d) Resit pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih sah tempoh.
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.

4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli mulai **11 Julai 2024 (Khamis) sehingga sebelum tutup sebut harga** pada waktu pejabat di Unit IT, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
5. Dokumen Sebut Harga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima. Semasa pembelian dokumen sebut harga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama **Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak** bagi tahun semasa.
6. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebut Harga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **18 Julai 2024 (Khamis)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

8. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau sebarang sebut harga.


OTHMAN BIN DERIS
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri Perak